

LARIAN 2.4 KILOMETER PANGKALAN UDARA KUANTAN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2686-larian-2-4-kilometer-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 17 Nov 17 – Pangkalan Udara Kuantan telah melaksanakan satu aktiviti bulanan iaitu Larian 2.4 kilometer yang diadakan di Padang Polo Pangkalan. Latihan telah disertai oleh semua warga Pangkalan. Latihan ini bertujuan untuk mengekalkan tahap kecerdasan dan stamina setiap anggota. Aktiviti ini juga turut dihadiri oleh wakil Komander Pangkalan, YBhg Kol Idris bin Ab Wahab TUDM serta Pegawai-pegawai Eksekutif Pangkalan.

